



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KOS BAHAN BINAAN, DISEMBER 2025

Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 1.2 peratus hingga 3.2 peratus pada Disember 2025

PUTRAJAYA, 12 Januari 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, DISEMBER 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit simen menunjukkan peningkatan pada Disember 2025, iaitu antara 1.2 peratus sehingga 3.2 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi indeks harga bahan ini telah direkodkan di Terengganu & Kelantan (3.2%) diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (1.8%) dan Pahang (1.6%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan bahawa indeks harga seunit pasir mencatatkan sedikit peningkatan pada Disember 2025, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus hingga 4.8 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Indeks harga seunit besi menunjukkan peningkatan kecil pada Disember 2025, iaitu antara 0.1 peratus sehingga 1.0 peratus berbanding bulan lepas. Tambahan daripada itu, indeks harga keratan keluli & logam turut mencatatkan peningkatan pada Disember 2025, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus hingga 1.1 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Disember 2024 dan Disember 2025 menunjukkan indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 3.2 peratus hingga negatif 7.1 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan ini telah dicatatkan di Sibu (-7.1%) dan diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-6.8%) dan Kota Kinabalu (-6.5%).

Selain daripada itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 2.0 peratus hingga 6.1 peratus pada Disember 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Pahang (6.1%), diikuti dengan Tawau (5.4%) dan Sandakan (5.0%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus, dengan purata harga RM3,512.10 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (November 2025: RM3,509.60 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* pula telah mencatatkan peningkatan (0.8%) dengan purata harga RM24.55 per 50 kg sekarung berbanding November 2025 (RM24.35 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan kecil antara 0.1 peratus hingga 2.0 peratus pada bulan Disember 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia.


IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus hingga 0.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan pada Disember 2025 berbanding bulan sebelumnya.

Perbandingan bulan ke bulan IKB termasuk bar keluli di Sarawak merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.2 peratus bagi beberapa kategori bangunan di Sibu. Manakala, IKB bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.5 peratus.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia,
Disember 2023 – Disember 2025**



**Carta 2: Purata Harga Simen (Ordinary Portland) Malaysia,
Disember 2023 – Disember 2025**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JANUARI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUILDING COST INDEX, DECEMBER 2025

The unit price index of cement recorded an increase between 1.2 per cent to 3.2 per cent in December 2025

PUTRAJAYA, January 12, 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, DECEMBER 2025**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of cement recorded an increase in December 2025, ranging from 1.2 per cent to 3.2 per cent as compared to the previous month. The highest increase in the price index of this material was recorded in Terengganu & Kelantan (3.2%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis (1.8%) and Pahang (1.6%).

The Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of sand showed a slight increase in December 2025, with month-on-month change ranging from 0.1 per cent to 4.8 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The unit price index of steel recorded a slight increase in December 2025, ranging from 0.1 per cent to 1.0 per cent as compared to the previous month. In addition, the price index of steel & metal sections also registered an increase in December 2025, with month-on-month changes between 0.1 per cent to 1.1 per cent across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of December 2024 and December 2025 has indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 3.2 per cent to negative 7.1 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index for steel was observed in Sibul (-7.1%) and followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-6.8%) and Kota Kinabalu (-6.5%).

Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 2.0 per cent to 6.1 per cent in December 2025 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Pahang (6.1%) followed by Tawau (5.4%) and Sandakan (5.0%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a slight increase of 0.1 per cent with an average price of RM3,512.10 per metric tonne as compared to the previous month (November 2025: RM3,509.60 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement showed an increase (0.8%) with an average price of RM24.55 per 50 kg bag, as compared to November 2025 (RM24.35 per 50 kg bag).

A monthly comparison of BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 2.0 per cent in December 2025 as compared to the previous month. The increase for BCI with steel was recorded for all building categories and areas in Peninsular Malaysia.

The BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase 0.1 per cent to 0.9 per cent for all building categories in December 2025 as compared to the previous month.


A month on month comparison of BCI with steel bars in Sarawak registered a slight decrease ranging from negative 0.1 per cent to negative 0.2 per cent for several categories of buildings in Sibu. Meanwhile, the BCI with steel bars for all categories in Kuching and Miri remained recorded an increase between 0.1 per cent to 0.5 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
December 2023 – December 2025**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia,
December 2023 – December 2025**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 JANUARY 2026**